PIALA THOMAS 1992

Kali terakhir Malaysia muncul juara Piala Thomas ialah pada 1992 di Stadium Negara, Kuala Lumpur. Kehangatan menentang pasukan Indonesia di perlawanan akhir pada ketika itu tidak pernah pudar dari ingatan.Begitu juga setiap kali berlangsungnya Kejohanan Badminton Piala Thomas, setiap kali itulah aura dan semangat 1992 meresap kembali. Pada 16 Mei 1992, Piala Thomas berjaya dirangkul oleh Malaysia selepas menundukkan Indonesia, 3-2.

Pasukan Malaysia pada kertika itu terdiri daripada Rashid Sidek, Foo Kok Keong, Kwan Yoke Meng, dan dua pasangan beregu Razif Sidek-Jalani Sidek serta Cheah Soon Kit-Soo Beng Kiang. Anak keluarga Allahyarham Datuk Sidek, iaitu Rashid sebagai perseorangan pertama berjaya menewaskan pemain handalan Indonesia, Ardy Bernardus Wiranata (15–11, 10–15, 15–8). Namun abang-abangnya, pasangan beregu Jailani dan Razif tewas mengejut kepada pasangan Indonesia Eddy Hartono dan Rudy Gunawan (9-15, 15-9, 3-15).

Perlawananan beregu kedua antara Soon Kit dan Beng Kiang menentang Rexy Manaiky dan Ricky Subagja berjaya memberikan mata kemenangan buat negara apabila mereka menang dengan mata 15-12, 10-15, 15-8. Kedudukan 3-1 itu sekaligus melayakkan Malaysia bergelar juara Piala Thomas.

